

Lebih berkesan belajar bahasa Inggeris di sekolah menengah UM-14/2/2007

KUALA LUMPUR 13 Feb.—Pembelajaran bahasa Inggeris akan lebih berkesan jika ia dimulakan pada peringkat sekolah menengah berbanding sekolah rendah, kata bekas Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad.

Beliau berkata, pelajar sekolah menengah lebih mudah menguasai bahasa itu berbanding murid sekolah rendah kerana mereka lebih matang dan bersedia mengikuti setiap mata pelajaran yang diajar dalam bahasa itu.

Merujuk kepada mata pelajaran Sains dan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah, beliau berkata, usaha itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kekurangan guru yang fasih dalam bahasa itu.

Abdul Rahman berkata, memulakan pengajaran mata pelajaran dalam bahasa Inggeris di sekolah menengah boleh melahirkan golongan yang fasih dalam bahasa itu dengan lebih cepat.

“Apabila kita sudah mempunyai ramai yang boleh berbahasa Inggeris dengan baik, kita mulakan pengajaran di sekolah rendah pula,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan di Bangi, hari ini.

Abdul Rahman turut mencadangkan tempoh pembelajaran di sekolah rendah dipendekkan daripada enam tahun ke lima tahun dan mewajibkan pendidikan pra-sekolah selama dua tahun.

Beliau menyifatkan tempoh enam tahun di sekolah rendah sebagai sesuatu yang “sengsara” bagi murid di kawasan luar bandar kerana kekurangan kemudahan.

“Langkah memendekkan tempoh di sekolah rendah dapat memupuk perpaduan kaum di negara ini apabila murid lebih cepat memasuki sekolah menengah.

“Semua kaum belajar di sekolah menengah. Jadi mereka boleh bergaul dan ini memupuk perpaduan kaum,” katanya.

Beliau juga meminta kerajaan mengkaji semula sistem naik kelas secara automatik di mana murid yang tidak menunjukkan prestasi baik, seperti tidak boleh membaca, tetap boleh meneruskan pelajaran ke peringkat seterusnya.

“Kalau tidak boleh baca pun boleh naik darjah. Sememangnya kita tidak mahu pelajar tercicir. Kita mungkin hanya fikir tercicir dari segi fizikal, kita patut juga fikir keciciran dari segi mental apabila mereka ke sekolah tetapi tidak boleh membaca dan mengikuti pelajaran,” katanya.